

GARIS PANDUAN PENULISAN JURNAL DARUSSALAM

PENGENALAN

Pusat Sejarah Brunei adalah sebuah institusi yang mengendali dan menangani penyelidikan, pengkajian, pengumpulan, pendokumentasian, penerbitan, dan pameran mengenai persejarahan Brunei. Sesuai dengan peranannya sebagai pusat sumber, Bahagian Penerbitan dan Pemasaran telah mengungkapkahkan penerbitan buku, majalah, jurnal, makalah, dan risalah. Salah satu daripada terbitan itu ialah *Jurnal Darussalam*. Jurnal yang bersifat ilmiah ini telah diterbitkan sejak tahun 1992 secara berkala.

TUJUAN

1. Sebagai wadah untuk memberigakan hasil penyelidikan dan kajian yang berkaitan dengan persejarahan Brunei oleh para sejarawan, pengkaji, penyelidik, dan penulis dalam dan luar negara, agar dapat diketahui dan dipelajari oleh semua peringkat masyarakat dalam usaha mempertingkatkan pemahaman dan pembelajaran sejarah tanah air.
2. Sebagai wahana untuk menyalurkan ide dan penilaian yang bermutu dalam pelbagai aspek, bidang, dan skop penyelidikan, pengkajian dan penulisan khususnya sejarah Brunei bagi mengembangkan minda untuk faedah penyelidikan, rujukan, dan bacaan umum.

KAJIAN

Skop kajian memberi tumpuan kepada isu-isu sejarah negara bangsa yang berbentuk ilmiah, meliputi bidang-bidang sosiobudaya (sosiologi dan antropologi), agama, politik, ekonomi, arkeologi, historiografi, atau genealogi. Artikel hendaklah berbentuk ilmiah yang mengandungi:

1. Hasil kerja penyelidikan dan kajian.
2. Hasil penemuan, kaedah dan aplikasi baru.
3. Analisis dan penilaian sesuatu perkara secara kritis.

SYARAT

- Artikel yang dihantar hendaklah hasil kerja yang asli dan tidak pernah diterbitkan oleh mana-mana penerbitan lain. Artikel boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau Inggeris.
- Panjang artikel ialah tidak kurang daripada 15 halaman termasuk gambar rajah, ilustrasi, jadual dan lampiran.
- Setiap artikel yang dihantar akan dinilai terlebih dahulu.

FORMAT PENULISAN

1. Tajuk

Tajuk artikel hendaklah ringkas dan spesifik serta menepati isi kandungan yang hendak dibincangkan.

2. Maklumat Pengarang

- 2.1 Nama pengarang/penulis hendaklah diletakkan di bawah tajuk artikel dengan diselangkan satu baris.
- 2.2 Jarak antara nama pengarang/penulis dengan Abstrak dan antara Abstrak dengan baris pertama teks ialah dua baris.
- 2.3 Maklumat mengenai institusi dan e-mel hendaklah diletakkan di bawah nama pengarang/penulis.

3. Abstrak

Abstrak yang menerangkan ringkasan hasil kajian dan dapatan bagi setiap artikel yang dikemukakan hendaklah disertakan tidak lebih daripada 200 patah perkataan.

4. Isi Kandungan

4.1 Pendahuluan

Definisi, pernyataan tajuk yang

dibincangkan.

4.2 Isi

Kajian lepas, sumber (primer dan sekunder), metode, perbincangan, hujah, dan pembuktian.

4.3 Kesimpulan

Penemuan, cadangan, ringkasan, dan rumusan.

5. Binaan Artikel

5.1 Artikel hendaklah ditaip menggunakan fon *Times New Roman*, dalam perisian Word dan dicetak di atas kertas A4 pada sebelah muka setiap helaian kertas.

5.2 Sub-tajuk. Jarak antara sub-tajuk dengan teks ialah satu baris, dimulakan dari jidar kiri.

5.3 Jarak antara perenggan ialah satu baris. Barisan pertama pada perenggan pertama di bawah sub-tajuk ditaip dari jidar kiri (tanpa *Tab*). Bagi perenggan seterusnya, mulakan barisan pertama dari jidar kiri dengan satu kali *Tab*.

5.4 Jarak antara ayat terakhir dengan jadual, rajah, atau ilustrasi ialah satu baris.

6. Jadual/Rajah

Jadual dan gambar rajah hendaklah ringkas, jelas dan kemas; seperti yang dirujuk dari dalam teks. Penyusunan jadual atau gambar rajah mestilah dinomborkan secara sistematik dan diberi tajuk dengan jarak langkau dua. Tajuk jadual diletakkan di bahagian atas jadual; dan tajuk rajah diletakkan pada bahagian atas rajah.

7. Bibliografi/Rujukan

7.1 Senarai bibliografi hendaklah ditaip pada bahagian akhir artikel, menggunakan jarak baris langkau dua.

7.2 Setiap rujukan disenaraikan secara susunan abjad, mengikut sistem *Gaya*

Penerbitan Pusat Sejarah Brunei yang bersumberkan sistem CMS, iaitu nama pengarang/penulis, tajuk buku (ditaip condong), nama penerbit, bandar diterbitkan, tahun terbit.

Contoh:

Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, *The Catalyst Towards Victory*, Brunei History Centre, Bandar Seri Begawan, 2010.

8. Lampiran

9. Biodata

Ringkasan pendek mengenai kerjaya akademik pengarang/penulis.

SPESIFIKASI

Tajuk Artikel

- Saiz: 14 poin
- Huruf besar dan *bold*
- *Centered*

Nama Pengarang

- Saiz: 10 poin
- Huruf besar dan kecil, *regular*
- *Centered*

Maklumat Pengarang

- Saiz: 10 poin
- Huruf besar dan kecil, *regular*
- *Centered*

Abstrak

- Saiz: 10 poin
- Teks: Condong
- 2 sm dari jidar kiri dan 2 sm dari jidar kanan, *justified*

Kandungan Artikel (Teks)

Setiap tajuk pecahan hendaklah ditaip dari jidar kiri dengan huruf besar dan kecil, *bold*.

- Saiz: 12 poin, jarak langkau dua
- *Regular*
- *Justified*

Petikan: 12 poin, langkau satu (single spacing), *Italic*, 2 sm dari jidar kiri dan 2 sm dari jidar kanan, *justified*

Nota kaki: 10 poin, *justified*

Bibliografi

Saiz: 12 poin, langkau dua, *justified*

Ukuran margin

- Atas: 2.5 sm
- Bawah: 2.5 sm
- Kiri: 2.5 sm
- Kanan: 2.5 sm

HAK CIPTA

Artikel yang diterima berhak disunting dan jika diterbitkan ia akan menjadi hak milik Pusat Sejarah Brunei. Hak cipta karya dipegang oleh penulis, tetapi Pusat Sejarah Brunei berhak mengubah, memindah atau membuat penyesuaian mana-mana bahagian jika hendak diterbitkan.

HONORARIUM

Setiap artikel yang diterbitkan akan diberi honorarium.

PENGHANTARAN ARTIKEL

Artikal boleh dihantar melalui

e-mel:

jurnalpsb@gmail.com

Atau dihantar terus bersama dengan *hardcopy* dan *softcopy* kepada:

BAHAGIAN PENERBITAN DAN PEMASARAN

Pusat Sejarah Brunei

Jalan James Pearce

Bandar Seri Begawan BS8610

Negara Brunei Darussalam

Tel: (673)2240167 Faks: (673)2241958

